



Ruj. Tuan : SSL-DOSH-L1641801
Ruj. Kami : JKKP IS 127/682/1-117
Tarikh : 13 September 2016

Pengurus
SUN SUNG LEE ENGINEERING SDN. BHD.
No 1521, Ladang Valdor, Sungai Bakap
14200 Sungai Jawi S.P.S.
PULAU PINANG

Tuan,

**Pembaharuan Pendaftaran Sebagai Pembuat dan Pembaikpulih Dandang Stim (SBM 01 & SBR 01) dan Bejana Tekanan Tak Berapi (PVM 01 dan PVR 01); dan
Tambahkan Skop Pendaftaran Sebagai Pembuat dan Pembaikpulih Bejana Tekanan Berapi (SBM 02 dan SBR 02) dan Pemasang Dandang Stim (SBE 01)**
No. Pendaftaran : BT 21/117
Tempoh Kelulusan : 13 September 2016 Hingga 12 September 2019

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada permohonan tuan berhubung dengan perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa permohonan pembaharuan pendaftaran syarikat tuan sebagai **Pembuat dan Pembaikpulih Dandang Stim (SBM 01 & SBR 01) dan Bejana Tekanan Tak Berapi (PVM 01 dan PVR 01)** dan tambahan skop pendaftaran sebagai **Pembuat dan Pembaikpulih Bejana Tekanan Berapi (SBM 02 dan SBR 02) dan Pemasang Dandang Stim (SBE 01)** diluluskan oleh jabatan ini.

3. Kelulusan ini tertakluk kepada syarat-syarat berikut :-

- i. Memperolehi kelulusan bagi rekabentuk, pembuatan dan baikpulih jentera di atas dari Jabatan ini terlebih dahulu sebelum sebarang kerja-kerja berkaitan dengan skop kelulusan dijalankan ;
- ii. Menyelia dan mengawal proses kerja bagi memastikan kawalan kualiti ke atas proses dan keselamatan semasa membuat kerja skop di atas adalah seperti yang ditentukan di dalam Manual Sistem Pengurusan Kualiti dan Manual Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan tuan ;
- iii. Memastikan semua kerja-kerja kimpalan
 - a. dibuat oleh pengimpal tuan yang berkelayakan mengikut Spesifikasi Tatacara Kimpalan-Pembuatan (Welding Procedure Specification-Production) yang disemak oleh Badankuasa Memeriksa yang diiktiraf oleh Jabatan ini ; dan
 - b. di rekod ke dalam 'welder log' serta disimpan dengan baik.




- iv. Melengkapkan 'Inspection and Test Plan' dan semua rekod berkaitan kawalan kualiti oleh kakitangan kualiti tuan ;
 - v. Melengkapkan 'Manufacturer Data Report' bagi setiap kerja yang telah selesai ;
 - vi. Memberi perhatian ke atas kawalan dan penyenggaraan rekod-rekod yang dinyatakan di dalam Sistem Pengurusan Kualiti dan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi setiap kerja/projek yang dijalankan dan menyimpan dengan sempurna semua rekod tersebut untuk semakan Jabatan ini dari semasa ke semasa.
 - vii. Menjalankan semua kerja-kerja pembuatan dan baikpulih jentera di atas di premis yang berdaftar di atas atau di tempat pemilik bagi kerja-kerja baikpulih sahaja;
 - viii. Memaklumkan ke jabatan ini sekiranya berlaku penstrukturan semula, pertukaran nama atau alamat atau pemindahan hak milik syarikat atau terdapat sebarang perubahan pada Manual Sistem Pengurusan Kualiti dan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan tuan atau berlaku kekosongan atau perubahan pada kakitangan teknikal dan kualiti ;
 - xi. Mematuhi semua kehendak-kehendak Akta Kilang dan Jentera 1967, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.
4. Pihak tuan perlu memohon pembaharuan pendaftaran dengan jabatan ini **sekurang – kurangnya tiga (3) bulan** sebelum tarikh tamat tempoh kelulusan.
5. Perlu diingatkan bahawa kebenaran ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa sekiranya syarat-syarat di atas dan lain-lain syarat Jabatan ini tidak dipatuhi.
6. Sekiranya pihak tuan bersetuju untuk mematuhi syarat-syarat di atas, sila maklumkan ke Jabatan ini secara bertulis dalam masa **empat belas (14) hari** dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(Ir. IBRAHIM BIN MD. DOL)

b.p. Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Malaysia.